

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

PM: Fitnah kotor di sisi Islam

KUALA LUMPUR, Selasa — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mensifatkan penyebaran fitnah terhadap usaha pembangunan negara sebagai perbuatan kotor dan jijik di sisi Islam.

Perbuatan golongan berkenaan, katanya, memesongkan rakyat menikmati faedah-faedah dari usaha kerajaan yang sentiasa bertujuan memajukan kehidupan mereka seperti dikehendaki oleh Agama Islam.

Menjawab pertanyaan Haji Hashim Ghazali (BN-Matang) dalam Dewan Rakyat beliau berkata, memang beliau sedar tentang adanya segolongan orang-orang Islam yang giat menabur fitnah terhadap usaha-usaha murni Kerajaan untuk membangunkan negara dan memajukan rakyat.

Mereka sengaja tidak suka melihat rakyat maju dan mahukan rakyat terus menderita supaya dari penderitaan ini mereka dapat memancing sesuatu untuk kepentingan diri mereka.

Perbuatan menabur fitnah ini, sekiranya tidak diawasi dan dikawal, boleh menim-

bulkan kesan-kesan yang boleh mengancamkan ketenteraman awam dan keselamatan Negara.

Sungguhpun prinsip-prinsip demokrasi yang diamalkan di Negara ini menjamin kebebasan bercakap dan mengeluarkan pendapat, tetapi kebebasan itu ada batasannya sepertimana yang diperuntukan dalam undang-undang, tambahna.

Kepada soalan tambahan Datuk Haji Abu Bakar Umar (PAS-Kota Setar), Perdana Menteri berkata, beliau tidak pernah menyebut PAS sebagai salah satu dari golongan yang menyebarkan fitnah.

Tapi mungkin yang berhemat itu termakan cili dan terasa pedasnya, tambahna.

Menjawab soalan tambahan Encik Mohamad Nakhaie Haji Ahmad (PAS-Baling), Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan, Kerajaan memang sanggup menerima kritik dari semua pihak buat selama-lamanya.

Tetapi, katanya, ada kritik yang membawa kesan buruk kepada umat Islam sehingga mereka sanggup bersembah, yang di masjid yang mempunyai lambang parti politik.